

02 JUN 1999

Mahathir-tugas

SAYA ADA TUGAS UNTUK DIJALANKAN, KATA DR MAHATHIR

Oleh Khairdzir Yunus

TOKYO, 2 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau mempunyai tugas kepada negara sebagai Perdana Menteri sehingga timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berupaya dan bersedia mengambil alih jawatan itu.

Dr Mahathir berkata demikian pada pertemuan dengan para pengarang Jepun, yang antara lain, bertanyakan mengenai kenyataannya bahawa beliau akan menyerahkan jawatan itu kepada Abdullah selepas pilihan raya umum akan datang.

Kenyataan itu disiarkan dalam sebuah akhbar Jepun Mainichi Shimbun, baru-baru ini.

Beliau berkata: "Saya mempunyai satu tanggungjawab untuk memastikan perdana menteri yang menggantikan saya boleh meneruskan dasar-dasar negara dan memastikan negara stabil."

Dr Mahathir berkata beliau telah memberitahu akhbar itu bahawa beliau akan menyerahkan jawatan itu kepada penggantinya selepas pilihan raya umum "yang mungkin setahun, dua tahun atau tiga tahun dan seterusnya selepas pilihan raya."

"Paling lamapun, saya hanya ada satu penggal lagi kerana selepas itu saya tidak mempunyai keupayaan (untuk menjalankannya)," kata perdana menteri yang berusia 73 tahun itu, yang telah menyandang jawatan tertinggi itu selama 18 tahun.

Ini adalah sebab beliau untuk menyerahkan tugas itu kepada penggantinya dan bukan kerana beliau bosan dengan tugas itu, kata Dr Mahathir.

Mengenai sama ada beliau merasakan sekarang sesuai diadakan pilihan raya umum dengan ekonomi Malaysia kembali pulih, Dr Mahathir berkata: "Apa yang pasti ialah ia akan diadakan sebelum April."

Bagaimanapun, perdana menteri berkata beliau akan mengambil kira semua faktor itu sebelum menetapkan tarikh pilihan raya.

"Saya bersetuju bahawa masanya sesuai untuk diadakan pilihan raya... saya sihat, rakyat gembira, kami tiada pengangguran atau dengan 2.5 peratus pengangguran dianggap sebagai pekerjaan penuh, dan pembangkang-pembangkang juga tidak sebulu antara satu sama lain.

"Memandangkan kami telahpun melihat masa yang baik, mungkin ada masa yang lebih baik untuk mengadakan pilihan raya kemudian...kami memberi peluang untuk menilai semua perkara," katanya. -- BERNAMA

KHY RYN NAK